

Cuepacs cadang kadar pengiraan pencen diubah

2 OCT 2000
KUALA LUMPUR, Ahad -
Kongres Kesatuan Pekerja
Dalam Perkhidmatan
Awam (Cuepacs) menca-
dangkan supaya kadar
pengiraan pencen diubah,
iaitu tertakluk kepada
maksimum sebanyak 3/4
daripada gaji yang akhir
diterima, berbanding se-
paruh sekarang.

Jika semakan itu diteri-
ma, setiap anggota per-
khidmatan awam memer-
lukan tempoh perkhidma-
tan yang boleh dimasuk-
kira bagi faedah persaraan
selama 37 tahun enam
bulan (450 bulan).

"Kenaikan kadar pencen
ini adalah sebanyak 25 per-
atus daripada kadar sedia
ada. Dengan ini, boleh di-
katakan hampir semua ang-
gota perkhidmatan awam
berpeluang mengambil kira
keseluruhan tempoh per-
khidmatannya bagi faedah
persaraan.

"Disyorkan juga, semua
faedah persaraan dalam
Akta 227 yang mengguna-
kan perkataan 'tetapi ter-
had kepada 1/2 daripada
gaji akhir' hendaklah di-
ubah/di selaras semula
sebagaimana yang dica-
dangkan iaitu 3/4 daripa-
da gaji yang akhir diteri-
ma," kata Cuepacs.

Ini adalah antara cada-
ngan Cuepacs dalam memo-
randum yang diserahkan
kepada Perdana Menteri,
Datuk Seri Dr Mahathir
Mohamad baru-baru ini.

Cuepacs berpendapat
pengiraan pencen mengi-
kut Seksyen 4 (1)(a) Per-
aturan-peraturan Pencen
1980, iaitu '1/600 x jumlah
genapnya bulan perkhid-
matan yang boleh dima-
suk kira x gaji yang akhir
diterima, tertakluk kepa-
da maksimum sebanyak
setengah daripada gaji
akhir diterimanya,' diubah
kepada '1/600 x jumlah
genapnya bulan perkhid-
matan yang boleh dima-
suk kira x gaji yang akhir
diterima, tertakluk kepa-
da maksimum sebanyak 3/
4 daripada gaji yang ak-
hir diterima.

Cuepacs berpendapat ini
kerana jika seseorang mula
berkhidmat pada umur 18
tahun dan bersara pada
umur 55 tahun, perkhid-
matan penuhnya ialah 37
tahun sedangkan untuk
mendapat pencen maksi-
mum 3/4 daripada gaji
akhir diterima memerlukan
perkhidmatan selama 37
tahun enam bulan.

"Ini bermakna keseluru-
han perkhidmatan boleh
dikira bagi faedah pencen
sebagaimana yang pernah
diluluskan kerajaan sebe-
lum ini dan ditarik balik,"
katanya.